



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM CITRA NUSA@MUZIUM:
SAMBUTAN 60 TAHUN MUZIUM NEGARA
DAN PELANCARAN KAPSUL MASA**

1 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)

10.00 PAGI

MUZIUM NEGARA

Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

**Disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Syukur kepada Tuhan kerana kita diberi kesempatan berhimpun di Muzium Negara bagi meraikan **Program Citra Nusa @Muzium: Sambutan 60 Tahun Muzium Negara dan Pelancaran Kapsul Masa**
2. Kini genap 6 dekad penubuhan Muzium Negara sejak ia dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-III, Tuanku Syed Putra Al-Haj Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail pada **31 Ogos 1963**.
3. Sebentar tadi, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia turut maklumkan bahawa Muzium Negara telah berjaya mengadakan lebih **500 pameran** dan menerima kehadiran lebih **80,759,578 orang pelawat**. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan syabas dan tahniah buat semua tenaga kerja Muzium Negara.

Tuan-tuan, Puan-puan yang saya hormati sekalian,

MUZIUM KHAZANAH NEGARA

4. Kerajaan menerusi Kementerian Perpaduan Negara akan sentiasa mengutamakan agenda untuk menjadikan **muzium sebagai platform integrasi kaum**, sesuai dengan fungsinya sebagai '**guardian of heritage**' yang mengumpul, memelihara serta melestarikan koleksi warisan sejarah, seni dan budaya masyarakat berbilang kaum di negara ini.
5. Saya berasa amat berbangga kerana Jabatan Muzium Malaysia mengambil langkah proaktif menganjurkan pelbagai program serta aktiviti dalam membantu Kerajaan merancakkan lagi usaha mempromosikan konsep Malaysia MADANI.
6. Kementerian sentiasa memberi **sokongan terhadap usaha Jabatan Muzium Malaysia dalam mengangkat serta memartabatkan institusi permuziuman** sebagai entiti yang memainkan peranan penting dalam pendidikan secara formal, tidak formal dan pembelajaran sepanjang hayat tentang warisan sejarah, budaya serta alam semula jadi Negara.

Tuan-tuan, Puan-puan yang saya hormati sekalian,

CITRANUSA @ MUZIUM MEDAN DIALOG PERADABAN

7. Program Citra Nusa@Muzium ini dirangka khusus sebagai mendukung usaha mempromosikan konsep Masyarakat MADANI iaitu ditunjangi sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan sebagai **medan dialog peradaban**. Antara tujuan utama pelaksanaan program ini adalah bagi menyuburkan semula minat masyarakat terhadap warisan bersifat ‘**tangible**’ (ketara) dan ‘**intangible**’ (tidak ketara) khususnya dalam kalangan generasi muda menerusi **pendekatan ‘rejuvanate’ muzium** (meremajakan muzium) melalui seni dan teknologi.

8. Program Citra Nusa@Muzium merupakan program permuzuman berteraskan warisan seni dan budaya yang berkonsepkan ‘karnival’ atau ‘fiesta’ yang mensasarkan penyertaan seluruh masyarakat dari pelbagai latar belakang budaya dan kaum. **Program ini dijadualkan secara bersiri bermula Ogos sehingga November 2023** dengan pengisian aktiviti yang unik dan berbeza dalam setiap siri mengikut lokasi bagi menarik minat lebih banyak kumpulan sasar khususnya generasi muda.

9. Antara pengisian Program CitraNusa @Muzium ini adalah **Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan** di Kuching, Sarawak, **Sambutan 60 Tahun Muzium Negara, Pameran Malaysia Tanah Airku, CitraNusa@Muzium Matang, CitraNusa@Muzium Kota Kayang, CitraNusa @Muzium di tiga (3) pasaraya terpilih.**

DIRGAHAYU 60 TAHUN MUZIUM NEGARA

10. Muzium Negara merupakan institusi **yang menjadi citra identiti nasional** semenjak awal penubuhannya pada tahun 1963. Pada ketika itu, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Bapa Kemerdekaan Malaysia berpandangan bahawa wajar untuk menubuhkan sebuah muzium yang dapat menggambarkan keseluruhan peradaban dan kebudayaan masyarakat di Tanah Melayu melalui elemen pameran. Tunku juga turut berpesan “*seharusnya pusaka negara ini sama-sama kita pelihara dengan sempurna dan jadikannya khazanah negara yang tidak ternilai harganya*”.
11. Saya difahamkan pengisian Program Citra Nusa @Muzium menawarkan **pelbagai aktiviti menarik sempena Sambutan**

60 tahun Muzium Negara pada tahun ini. Secara tidak langsung ia membolehkan lebih banyak aspirasi kreatif dihasilkan di kalangan warga Jabatan Muzium Malaysia dan memberi ruang serta peluang kepada masyarakat untuk mengenali institusi permuziuman dengan lebih dekat, memahami peranan dan fungsinya yang turut bertindak sebagai agen penyatupaduan serta pengukuhan jati diri rakyat berbilang kaum.

12. Misi ini sekaligus akan **mengurangkan defisit sosial yang menjadi cabaran** yang semakin mendominasi masyarakat Malaysia pada ketika ini.
13. Sambutan ini ternyata membuktikan bahawa kesatuan dan kerjasama utuh di antara muzium serta institusi yang terlibat serta penglibatan masyarakat secara tidak langsung mampu **menyumbang kepada pembangunan sosial yang berterusan**, khususnya dalam pembentukan dan pengukuhan jati diri kebangsaan. Ia sejajar dengan matlamat utama **Dasar Perpaduan Negara yang memperkasa usaha berterusan** untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat.

14. Dua buah pameran utama turut akan dijalankan sempena Sambutan 60 Tahun Muzium Negara iaitu:

- I. **Pameran 60 Tahun Muzium Negara: Satu Retrospektif** ini memaparkan perjalanan Muzium Negara sepanjang enam dekad bermula pada tahun 1963. Melalui pameran ini, para pengunjung dapat menghayati detik-detik bersejarah sepanjang penubuhan Muzium Negara melalui segmen-segmen yang memaparkan peristiwa perasmian Muzium Negara pada 31 Ogos 1963, pameran-pameran *blokbuster* yang pernah diadakan seperti Pameran Terokai Hantu: Misteri dan Budaya, Pameran Tinju, Pameran Khazanah dari Kubur serta keunikan Pameran Durian dan Pameran Kebudayaan Dongson.
- II. **Pameran Malaysia Tanah Airku** ini Pameran Tanah Airku merupakan satu interpretasi bagi menggambarkan aspek sejarah, kebudayaan dan alam semulajadi Malaysia melalui persembahan panel grafik serta budaya material (artifak). Pameran ini secara umum menelusuri kembali beberapa segmen utama dalam ruang lingkup tanah air yang bernama Malaysia yang sehingga ke hari ini menjadi identiti utuh dan sangat signifikan bagi setiap anggota masyarakat.

Tuan-tuan, Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

KE ARAH MELESTARIKAN MUZIUM

15. Sebagai “way forward” dalam terus memperkasakan fungsi Jabatan Muzium Malaysia, kini Kementerian Perpaduan Negara sedang dalam proses meneliti dan merangka **akta baharu dikenali sebagai Akta Muzium** bagi mengawal selia aktiviti berkaitan muzium di negara ini. Sebelum ini kita tidak mempunyai akta berkaitan muzium dan hanya bergantung kepada Akta Warisan 2005, jadi akta baharu ini diperlukan untuk mewujudkan lebih banyak undang-undang berkaitan muzium. melalui akta baharu itu juga, ia akan **mewajibkan setiap muzium mendaftar semua koleksi negara bagi tujuan rujukan dan penetap standard dalam setiap pameran** yang dijalankan institusi itu.

16. Selain itu, kementerian menerusi Jabatan Muzium Malaysia bakal memperkasa **kaedah pembayaran tanpa tunai** (cashless) menerusi inisiatif yang bakal dikenali sebagai **‘Cashless Museum’**. Tentu sekali usaha ini akan merangsang agenda digital Malaysia yang juga selari dengan komitmen Jabatan Muzium Malaysia dalam transformasi ke arah

kandungan **digital dan data besar (big data) dalam aktiviti permuziuman.**

17. Muzium sering kali dilabel sebagai “***an educational institution in a treasure house,***” Justeru, bagi memastikan muzium terus menjadi “treasure house”, pendekatan dan pelaksanaan program harus diperbaharui mengikut peredaran zaman untuk menarik minat generasi muda. Oleh itu, saya berharap agar Muzium Negara dapat melipatgandakan usaha kolobarasi bersama Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan Tinggi dalam menganjurkan program yang dapat melibatkan generasi muda dalam aktiviti permuziuman.
18. Kerajaan akan melaksanakan **Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2025** dengan sasaran 23.5 juta pelancong antarabangsa dan unjuran pendapatan sehingga RM76. 8 bilion. Jadi, Jabatan Muzium Malaysia perlu proaktif dalam merangka serta menjalankan pameran-pameran isitimewa dan kontemporari dengan kerjasama rangkaian antarabangsa.

PENUTUP

19. Akhir kata, setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua jawatankuasa yang terlibat atas komitmen padu menggembangkan tenaga dalam memastikan kejayaan penganjuran Program Citra Nusa@Muzium: Sambutan 60 tahun Muzium Negara dan Pelancaran Kapsul Masa.
20. Terima kasih juga diucapkan kepada semua rakan pemegang taruh, rakan strategik, rakan pintar dan media massa serta semua pihak di belakang tabir yang telah banyak membantu, secara langsung mahu pun tidak langsung dalam melancarkan lagi pelaksanaan program ini.
21. Saya ingin ambil kesempatan ini, mengalu-alukan cadangan dan pendapat anda bagi Belanjawan 2024 untuk memperkasa Malaysia MADANI. Anda semua boleh imbas QR Kod yang tertera di skrin layar ini bagi mengisi cadangan untuk Belanjawan 2024.

22. Sempena hari yang cukup bersejerahan ini, saya ingin memaklumkan bahawa ‘**tiket masuk ke Muzium Negara akan diberikan secara percuma selama tiga (3) hari kepada semua warga Malaysia bermula 2 dan 3 September**, seterusnya pada **16 September** sempena Hari Malaysia 2023. Ajaklah keluarga, saudara mara, sahabat handai, jiran tetangga untuk mengunjungi Muzium Negara.
23. Dengan ini, saya merasmikan ‘**Citra Nusa@Muzium: Sambutan 60 tahun Muzium Negara dan melancarkan Kapsul Masa**’. Saya akhirnya dengan serangkap pantun,

*Tebang kayu buatkan sampan,
Sambil mengail di lubuk dangkal,
Muzium lambang perpaduan negara,
Terus menjadi citra identiti nasional.*

Sekian, terima kasih.